

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
[JASIN]**

**TARIKH : 22 OKTOBER 2015**

**SOALAN :**

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah konkrit untuk menyusun semula struktur ekonomi yang tidak mapan ini kerana kenaikan gaji (CAGR 4.2%) adalah lebih tinggi dari kenaikan produktiviti (CAGR 2.6%).**

**JAWAPAN: Y.B SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar bahawa pertumbuhan ekonomi negara masih lagi berasaskan sumbangan modal dan buruh, di mana sumbangan produktiviti masih rendah. Bagi tempoh 2011 sehingga 2014, purata gaji dan upah benar meningkat sebanyak 2.7% setahun berbanding dengan pertumbuhan produktiviti buruh sebanyak 2.2% setahun. Oleh itu, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), meningkatkan potensi produktiviti telah dikenal pasti sebagai salah satu pemacu perubahan untuk mengalihkan ekonomi daripada pertumbuhan didorong oleh input kepada pertumbuhan dipacu oleh produktiviti bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan bersifat inklusif.

Strategi untuk meningkatkan potensi produktiviti akan menumpu kepada peringkat nasional, industri dan perusahaan. Di peringkat nasional, agenda produktiviti dan pelan pelaksanaan pada peringkat nasional akan diwujudkan serta produktiviti sektor awam juga akan dipertingkatkan. Di samping itu, latihan semula dan peningkatan kemahiran serta penyelidikan juga akan digalakkan.

Di peringkat industri, jaguh produktiviti mengikut industri akan dilantik untuk menerajui usaha meningkatkan produktiviti serta menyediakan program produktiviti berdasarkan keperluan industri. Di peringkat perusahaan pula, penilaian dan sasaran produktiviti akan diwujudkan dengan menggalakkan sasaran prestasi produktiviti dan mekanisme

pemeriksaan prestasi, memperkenalkan program intervensi pada peringkat perusahaan dan memupuk budaya berasaskan produktiviti.

Di samping itu, strategi di peringkat sektoral juga akan dilaksanakan untuk melonjakkan peralihan kepada aktiviti ekonomi bernilai tambah tinggi dan berintensif pengetahuan dengan memberi tumpuan kepada tujuh bidang fokus, seperti berikut:

1. Mentransformasikan sektor perkhidmatan kepada sektor berintensif pengetahuan dan inovasi;
2. Memperkukuhkan sektor pembuatan dengan beralih kepada pengeluaran produk bernilai tinggi, lebih kompleks dan pelbagai;
3. Memodenkan sektor pertanian kepada sektor berpendapatan tinggi dan mampan;
4. Mentransformasikan sektor pembinaan dengan meningkatkan penggunaan teknologi;
5. Membangunkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dinamik ke arah berdaya tahan dan mampan untuk mencapai pertumbuhan seimbang dan inklusif;
6. Menjana kekayaan melalui inovasi bagi mewujudkan nilai baharu; dan
7. Meningkatkan daya saing bandar dan pembangunan koridor ekonomi wilayah bagi memaksimumkan faedah kepada komuniti setempat dan merangsang pembangunan negara.

Bagi tempoh RMKe-11, Kerajaan mensasarkan 64% daripada pertumbuhan ekonomi akan disumbang oleh pertumbuhan produktiviti buruh dengan kadar pertumbuhan sebanyak 3.7% setahun.

Sekian, terima kasih.